



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	08.08.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPSM			

6

Nasional

Isnin, 8 Ogos 2022 BH

Usaha pulih Tasik Chini makan tahun

Jika tidak dipulih segera warisan alam memukau bakal jadi paya

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Pekan: Usaha memulihkan Tasik Chini, di sini yang terkenal dengan panorama air memukau, dijangka mengambil masa puluhan tahun sebelum persekitarannya kembali seperti sebelum ia 'dicabuli' oleh aktiviti perombongan bijih besi dan mangan yang terlalu agresif sejak lebih 10 tahun lalu.

Khazanah itu yang diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai antara tapak rizab biosfera terbaik dunia, dikesan mengalami kerosakan terula teruk, sehingga tidak lagi menggambarkan seperti kawasan warisan alam.

Sekiranya tidak dipulihkan segera, Tasik Chini dikhawatirkan berpeluang berubah menjadi sekadar kawasan paya dengan tebing dan bukit sekitar yang ditarah meninggalkan kawah lombong, malah air juga terlah keruh dan cetek, tanda jumlah pepejal terapan (TSS) yang terula tinggi.

Lebih mengjutkan, kualiti air tasik itu juga dikesan tidak selamat untuk dijadikan air minuman mahupun bagi aktiviti riadah mandi manda atau berenang.

Tinjauan BH baru-baru ini mendapati, kerja pemuliharaan di situ sudah mula dilaksanakan, namun difahamkan, ia adalah pemuliharaan awal seperti menanam liputan hijau sahaja, bukan lagi usaha meningkatkan semula kualiti tanah di sekitar kawasan Tasik Chini yang sudah terjejas.

Difahamkan juga, hasil kerja pemuliharaan membaiki kualiti persekitaran khazanah alam itu tidak dapat dilihat dalam beberapa tahun depan, sebaliknya keberkesanan usaha berkenaan hanya boleh disaksikan dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun ke atas sekiranya dilaksanakan secara berterusan.

Segerakan kerja tanah
Bagi aktivis alam sekitar dan pakar pemodelan kualiti air, Prof

Dr Maketab Mohamed, usaha pemuliharaan Tasik Chini bukan sekadar menghentikan aktiviti perombongan, sebaliknya memerlukan sokongan pelbagai aktiviti lain secara berterusan dan berkesan.

Beliau yang menjalankan kajian di tasik itu selama 30 tahun, berkata kerja tanah atau earthworks perlu dilaksanakan segera dan kawasan yang digondol perlu diberi rawatan terlebih dahulu sebelum penanaman baru dilaksanakan.

"Kerja penanaman perlu dibuat kerana keadaan tanah yang terosot. Ia perlu dirawat dahulu sebelum penanaman anak pokok dilakukan. Rawatan itu, termasuk pengairan dan pembajaan serta sulaman sekiranya anak pokok yang baharu ditanam itu mati.

"Proses earthworks diperlukan kerana faktor kecerunan akibat aktiviti perombongan menjadikan kawasan di situ tidak lagi kondusif untuk penanaman pokok. Perlu diketahui bahawa pelaksanaan kerja tanah juga memerlukan dana yang tinggi.

"Kita lihat dalam tempoh lima tahun ini, barang-kali kerja pemuliharaan sekadar 'bayang-bayang'.

"Dalam tempoh 10 tahun ke hadapan, jika proses ini dilaksanakan dengan serius dan berkesan, barulah boleh nampak keadaan bertambah baik," katanya.

Maketab juga menjelaskan, masalah utama di Tasik Chini adalah disebabkan hakisan yang menjejaskan kualiti air dan menyebabkannya menjadi keruh, selain faktor TSS yang tinggi, sekaligus gus mencekkan tasik.

"Ia mungkin tidak akan mengakibatkan bencana seperti di Kampung Iboi, Baling, Kedah, tetapi kita akan kehilangan tasik asli yang unik. Tasik Chini akan jadi amat cetek dan dipenuhi



Sebahagian kawasan lombong Bukit Ketaya sudah ditanam dengan pokok penutup bumi oleh JPNP.

pokok rasau, iaitu sejenis mengkuang.

"Maka sampan dan bot tidak boleh digunakan, seterusnya tarikan pelancongan yang ada di Tasik Chini akan hilang begitu sahaja. Tasik Chini hanya menjadi paya atau 'wetlands'," katanya.

Air tidak selamat diminum
Menegeni kualiti air Tasik Chini,

kan status sebagai rizab biosfera. UNESCO memberi tempoh sehingga 30 September ini untuk Malaysia memaklumkan badan dunia itu perancangan merawat serta memulihkan Tasik Chini serta tanah lembap di sekelilingnya supaya kembali sihat dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan status biosfera dilucutkan.

Tasik air tawar kedua terbesar di Malaysia dengan kawasan tanah lembap di sekelilingnya itu diiktiraf oleh UNESCO pada 2009 sebagai rizab biosfera pertama negara di mana pembangunannya secara mampan sepatutnya diamalkan untuk melindungi ekosistem yang rapuh.

Khazanah alam itu yang terletak di Pahang amat berharga bagi negara kerana diperkaya dengan pelbagai legenda dan dikhabarkan mempunyai sebuah bandar purba yang tenggelam selain mitos menyatakan ia didiami dewa naga.

Namun, terdapat kegiatan perombongan dan pembalakan yang berleluasa di sepanjang pantainya sehingga meracuni air dan memusnahkan habitat semula jadi.

Tindakan awal

Sehari kemudian, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menaikan supaya Tasik Chini dipulih dan dihijaukan semula dalam masa terdekat dan pajakan lombong tamat tempoh tidak disambung.

Susulan itu, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan pada Khamis lalu, memaklumkan kementerannya tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan baharu atau penyumbangan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) bagi tapak perombongan dalam kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini.

Kementerian itu juga, katanya, tidak akan menyokong dan mengeluarkan apa-apa Surat

“Kerja penanaman perlu dibuat kerana keadaan tanah yang terosot. Ia perlu dirawat dahulu sebelum penanaman anak pokok dilakukan. Rawatan itu, termasuk pengairan dan pembajaan serta sulaman sekiranya anak pokok yang baharu ditanam itu mati”



Maketab Mohamed, Aktivis alam sekitar dan pakar pemodelan kualiti air

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia